

## Bahasa Pilihan Murid-murid Melanau di Mukah, Sarawak

Juliana Damsik<sup>1</sup>, Mohamad Nik Mat Pelet<sup>2\*</sup>, Noor Saadah Salleh<sup>3</sup>, Norita Harijaman<sup>4</sup>, Anida Sarudin<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor

<sup>5</sup>Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received 23 May 2025  
Revised 5 October 2025  
Accepted 7 October 2025  
Published 9 October 2025

#### *Keywords:*

Pilihan  
Bahasa  
Murid-murid  
Melanau  
Mukah  
Domain Fishman (1972)

#### *DOI:*

10.24191/ejssh.v9i1.5020

### ABSTRACT

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan anggaran penduduk seramai 2.5 juta. Jumlah ini merangkumi pelbagai kaum dan etnik antaranya Melayu, Melanau, Iban, Kadazan, Dusun, Bidayuh, Cina, India dan sebagainya. Kepelbagaian kaum yang ada menunjukkan wujudnya pelbagai bahasa ibunda yang berbeza. Kepelbagaian ini membawa kepada kemungkinan masyarakat untuk membuat pilihan bahasa sebagai alat perhubungan dan komunikasi antara mereka. Bahasa yang dipilih biasanya bahasa yang banyak digunakan dan difahami oleh kebanyakan anggota masyarakat. Bagi menguji pemilihan bahasa yang berlaku, kajian ini hanya menumpukan satu kumpulan kaum sahaja. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau di sekitar kawasan Mukah, Sarawak serta menganalisis faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa mereka. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui pendekatan kuantitatif dengan berpandukan set soalan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian adalah seramai 65 orang yang terdiri daripada murid-murid Melanau yang berusia dalam lingkungan umur 15 hingga 18 tahun dan bersekolah di sekolah jenis kebangsaan di kawasan Mukah, Sarawak. Dapatan kajian dianalisis berpandukan konsep domain oleh Fishman (1972). Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Melayu dan bahasa Melanau menjadi pilihan paling dominan dalam kalangan murid-murid Melanau di sekolah kebangsaan di kawasan Mukah, Sarawak. Dapatan kajian juga menunjukkan pola pemilihan bahasa yang digunakan dipengaruhi faktor hubungan, persekitaran dan kandungan bagi mencapai tujuan komunikasi iaitu menyampaikan mesej yang jelas antara individu dalam sesuatu peristiwa bahasa atau komunikasi.

<sup>1\*</sup> Corresponding author. E-mail address: [nikmat@uitm.edu.my](mailto:nikmat@uitm.edu.my)

## 1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikenali dengan jolokan sebagai sebuah negara majmuk kerana kepelbagaian kaum dan agama yang dianuti oleh masyarakatnya. Antaranya ialah kaum Melayu, India dan Cina di semenanjung Malaysia manakala di Sabah terdapat suku kaum seperti Kadazan, Dusun, Rungus, Suluk, Bugis dan sebagainya. Begitu juga dengan negeri Sarawak yang turut didiami masyarakat pelbagai kaum seperti Melanau, Melayu, Cina, Iban, Bidayuh, Kenyah dan sebagainya. Kepelbagaian kaum di Malaysia menjadikan Malaysia bukan sahaja sebuah negara yang kaya dengan budaya, adat dan amalan setiap kaumnya malah, ia juga mengidentifikasikan kepelbagaian bahasa yang digunakan oleh setiap suku kaumnya. Lantaran itu, keunikan tersebut menjadi identiti, lambang dan latar belakang Malaysia sebuah negara majmuk yang aman dan sentosa.

Bahasa merupakan alat utama untuk menghubungkan manusia dalam sesebuah komunikasi. Tanpa bahasa mampu mewujudkan jurang hubungan terutama dalam menyampaikan mesej. Walaupun Malaysia sebuah negara yang didiami pelbagai kaum oleh masyarakatnya, namun bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang telah diwartakan oleh kerajaan Malaysia melalui Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang memperincikan bahasa Melayu adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikaikan fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 juga telah diwartakan bagi memastikan rakyat Malaysia memahami dasar negara untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam mewujudkan hubungan melalui komunikasi antara kaum di Malaysia. Walaupun begitu, seluruh masyarakat pelbagai kaum di Malaysia masih bebas menggunakan bahasa-bahasa lain iaitu bahasa ibunda masing-masing seperti bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Melanau, bahasa Kadazan dan sebagainya selain bahasa Inggeris mendominasi bahasa ekonomi dan industri negara. Dalam erti lain, kerajaan Malaysia turut menggalakan rakyatnya menguasai bahasa-bahasa antarabangsa bagi menyemarakkan sektor ekonomi Malaysia.

Justeru, keunikan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum memerlukan jati diri yang tinggi dan utuh dalam kalangan setiap rakyatnya agar identiti Malaysia bukan sahaja dikenali dengan pelbagai adat dan budaya malah, bahasa yang menjadi perantaraan utama dalam komunikasi masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini mengenal pasti bahasa yang menjadi pilihan murid Melanau di sekolah kebangsaan sekitar Mukah, Sarawak dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa tersebut. Kajian yang dijalankan ini juga dapat membuktikan kelestarian bahasa yang menjadi pilihan murid bukan Bumiputera dalam usaha mengekalkan nuansa citra Malaysia yang penuh dengan keunikan dan keharmonian dalam kepelbagaian identiti seperti bahasa, budaya, agama dan kaumnya.

Masyarakat Melanau mempunyai bahasa ibunda tersendiri dengan beridentitikan dialek Melanau masing-masing mengikuti lokaliti penempatan mereka. Antaranya Melanau Mukah, Igan, Matu, Daro, Rajang, Belawai dan sebagainya. Bahasa seharian yang digunakan oleh mereka adalah bahasa Melanau berdasarkan dialek setempat. Namun begitu, bagi murid-murid Melanau pula, mereka memperlihatkan corak dwibahasa yang dinamik dalam kehidupan seharian mereka. Di sekolah, mereka lazimnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama untuk tujuan pembelajaran dan komunikasi rasmi dengan guru serta rakan daripada pelbagai kaum, sejajar dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan negara (Asmah Haji Omar, 2015). Namun demikian, dalam konteks tidak rasmi seperti di rumah atau dalam komuniti setempat, mereka masih mengekalkan penggunaan bahasa Melanau sebagai lambang identiti etnik dan warisan budaya (Omar & Ting, 2020). Fenomena ini menunjukkan kebolehan murid Melanau mengamalkan pengalihan kod secara fleksibel mengikut domain sosial dan situasi komunikasi, sekali gus mencerminkan keseimbangan antara keperluan nasional dan pemeliharaan bahasa ibunda (Ting & Campbell, 2017).

## 2. SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Antaranya kajian oleh Nurul Syahirah dan Mohammed Azlan Mis (2022), Berawati et al. (2020), Mohammed Azlan (2010), Rahilah, Nasrun dan Teo Kok Seong (2016) dan banyak lagi. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian terdahulu dalam membuktikan jati diri rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama termasuklah status diri mereka sebagai masyarakat bumiputera atau bukan bumiputera kekal utuh dalam memperkasa jati diri melalui bahasa yang digunakan dalam rutin seharian.

Kajian berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat bumiputera juga telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Antara kajian melibatkan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau ialah kajian oleh Nurul Syahirah dan Mohammed Azlan (2022) iaitu Pemilihan Bahasa Suku Kaum Melanau di Mukah, Sarawak. Dapatan kajian mendapati bahasa Melanau Mukah adalah bahasa dominan yang digunakan oleh 50 responden kajian berbanding dialek Melayu Sarawak yang menjadi pilihan utama kebanyakan masyarakat di Sarawak sebagaimana dapatan kajian Azlan Mis (2022). Faktor pemilihan bahasa Melanau Mukah sebagai bahasa utama juga didorong oleh beberapa faktor seperti topik atau tema ketika berkomunikasi, latar tempat, waktu dan situasi, peserta dan penutur, struktur sosial dan fungsi komunikasi langsung. Walaupun bahasa Melanau Mukah menjadi pilihan bahasa yang paling dominan namun, bahasa Melayu Sarawak juga antara bahasa yang dipilih dan digunakan apabila mereka berada dalam situasi yang melibatkan faktor peserta dan penutur yang tidak fasih bahasa Melanau Mukah di samping faktor latar tempat, waktu dan situasi.

Antara lain ialah kajian oleh Akhmad Mansur et al. (2024) yang menyatakan dalam kalangan masyarakat bumiputera di Sabah didapati masyarakat Bonggi lebih memilih bahasa Bonggi dan bahasa Melayu dialek Sabah untuk berkomunikasi dalam domain kekeluargaan manakala bahasa lain seperti bahasa Dusun, Bajau, Ubian dan sebagainya sebagai pilihan sebilangan kecil oleh responden dalam kajian yang dilakukan. Situasi tersebut berlaku akibat daripada tahap penguasaan yang sederhana atau rendah dalam kalangan masyarakat Bonggi menyebabkan mereka memilih bahasa etnik lain termasuklah bahasa Melayu dialek Sabah sebagai medium dalam berinteraksi. Lantaran itu, pemilihan bahasa berlaku bertujuan untuk memastikan wujudnya interaksi antara masyarakat dalam menyampaikan sesuatu mesej ataupun berkongsi pendapat dan maklumat dalam sesuatu domain.

Sejajar dengan pernyataan tersebut, Khairul dan Harishon (2023) dalam kajian mereka berkaitan pemilihan bahasa oleh Orang Asli Kok Lanas menyatakan bahawa dalam domain pengajaran dan pembelajaran mendapati bahasa Melayu standard adalah paling dominan digunakan oleh responden ketika berinteraksi dan bersosial dengan etnik lain di persekitaran mereka berbanding bahasa-bahasa lain seperti bahasa Temiar, dialek Kelantan, bahasa Iban dan bahasa Campa. Justeru, situasi ini menjelaskan bahawa persekitaran turut mempengaruhi pemilihan bahasa Orang Asli Kok Lanas dalam berinteraksi sehingga mereka turut menggunakan bahasa-bahasa lain ketika berkomunikasi. Tambah mereka lagi, bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang dipilih digunakan oleh orang Asli kerana ia mudah difahami oleh semua kelompok masyarakat di persekitaran mereka berbanding dengan bahasa Asli lain yang hanya difahami oleh segelintir penutur natif.

Kajian pilihan bahasa anak-anak pasangan kahwin campur dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun yang dijalankan oleh Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023) mendapati anak-anak pasangan kahwin campur menggunakan kedua-dua bahasa dengan baik ketika berinteraksi dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Jakun dan bahasa Melayu standard. Walau bagaimanapun, kajian yang turut menggunakan teori Analisis Domain oleh Fishman (1972) ini turut mendapati anak-anak tersebut didapati lebih dominan memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan ketika berkomunikasi dalam domain kekeluargaan berbanding bahasa Jakun sedangkan mereka menguasai dengan baik bahasa ibunda mereka akan tetapi tetap memilih

bahasa Melayu bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan dalam sesebuah interaksi dapat difahami dengan baik dan berkesan oleh setiap ahli keluarga mereka.

Selain daripada kajian berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat bukan bumiputera dan peribumi semenanjung, kajian pemilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah turut dibincangkan dalam kajian literatur ini. Kajian oleh Mohd Khaidir dan Dicky Wiwattan (2024) mendapati pemilihan penggunaan bahasa Melayu adalah tinggi dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang terutama yang melibatkan domain keluarga manakala bahasa Inggeris mendominasi domain pendidikan berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Tambah mereka lagi, bahasa yang digunakan oleh mahasiswa tersebut jelas membuktikan bahawa mereka bijak dalam menentukan atau memilih bahasa yang wajar untuk digunakan dalam setiap domain. Dalam pada itu, dengan menjadikan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pilihan utama juga adalah gambaran jelas menunjukkan golongan berpendidikan terutamanya mahasiswa, matang dan bijak dalam menyesuaikan bahasa berdasarkan situasi ketika berkomunikasi.

Antara lain ialah kajian oleh Nurul Nabila (2020) dalam kajiannya iaitu Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Anak Kacukan Melanau Iban di Sarawak mendapati kanak-kanak Melanau – Iban dipengaruhi persekitaran, bahasa dominan dan migrasi dalam membuat pilihan bahasa yang digunakan. Antara bahasa yang menjadi pilihan utama kanak-kanak tersebut ialah bahasa Melanau kerana ia dominan dengan persekitaran mereka yang tinggal di kawasan penempatan Melanau selain dipengaruhi bangsa ibu responden yang berbangsa Melanau dan memilih bahasa Iban ketika berkomunikasi dengan bapa dan keluarga sebelah bapa. Begitu juga halnya ketika berkomunikasi bersama adik-beradik, mereka lebih memilih bahasa Melanau berbanding bahasa Iban. Lantaran itu, keadaan ini menjelaskan bahawa pengaruh persekitaran adalah pendorong utama kepada pemilihan bahasa lebih-lebih lagi jika persekitarannya menggunakan salah satu bahasa yang dominan seperti bahasa Melanau yang menjadikan ia sebagai pilihan utama dalam kalangan responden kajian ini.

Begitu juga dengan kajian Siti Rahmah (2017) berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan remaja Sungai di Bukit Garam, Sabah mendapati mereka memilih bahasa Melayu sebagai pilihan majoriti responden dalam domain-domain yang dianjurkan oleh Fishman dan Greenfield (1970) seperti domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan dan pendidikan. Tambah beliau lagi, hanya sebilangan kecil yang memilih campuran bahasa antara bahasa Melayu dan bahasa Sungai ketika berkomunikasi. Namun begitu, penggunaan bahasa Arab adalah sepenuhnya dalam proses ritual kerana kesemua responden adalah beragama Islam. Justeru, pemilihan bahasa ini berlaku dalam kalangan remaja Sungai di Bukit Garam kerana kefasihan mereka dalam bahasa Sungai agak terhad menyebabkan mereka memilih bahasa Melayu sebagai bahasa utama selain daripada hidup dalam kelompok masyarakat yang tidak menggunakan bahasa Sungai.

Antara lain ialah kajian pemilihan bahasa dalam kalangan bukan penutur natif Melayu iaitu masyarakat Cina seperti dalam kajian yang dilakukan oleh Cendellera (2022) yang mendapati percampuran kod dalam pemilihan bahasa biasanya berlaku dalam kalangan masyarakat Cina yang kahwin campur berbanding yang bukan kahwin campur. Walau bagaimanapun, kajian beliau juga mendapati sikap positif masyarakat Cina terhadap dialek-dialek Cina dan bahasa Mandarin sama ada dalam kalangan kelompok kahwin campur atau sebaliknya membuktikan bahawa jati diri tinggi dalam kalangan mereka untuk menjaga atau memelihara bahasa ibunda. Dalam pada itu, pemilihan yang konsisten terhadap bahasa Mandarin dalam semua domain juga mempamerkan sikap mereka dalam mengamalkan bahasa termasuklah mewarisi bahasa ibunda bagi memastikan lambang etnik mereka kekal terpelihara. Namun demikian, pengkaji juga mendapati responden memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi di media sosial kerana lebih mudah untuk difahami oleh semua rakan yang bukan berbangsa Cina.

Kajian oleh Azlan Mis (2022) pula berkaitan pilihan bahasa dalam kalangan suku kaum di Sarawak mendapati responden berbangsa Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak dominan memilih bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain ketika berkomunikasi. Tambah beliau lagi, dalam situasi formal, bahasa Melayu Sarawak dipilih sebagai bahasa perantaraan oleh responden manakala bahasa Iban dalam situasi tidak formal. Keadaan ini menjelaskan bahawa bahasa yang dijadikan pilihan adalah berteraskan bahasa perhubungan yang menunjukkan kebersamaan di samping difahami oleh setiap penutur tanpa mengira latar belakang. Dalam pada itu, pemilihan bahasa ini juga jelas menggambarkan jati diri suku kaum di Sarawak yang memilih bukan bahasa ibunda sebagai bahasa perantaraan walaupun mereka berbangsa selain dari bangsa Melayu mahupun Iban.

Kajian oleh Latifah dan Normala (2011) dalam kajian mereka iaitu Sikap Murid Cina terhadap Penggunaan bahasa Malaysia di Sekolah mendapati responden lebih memilih untuk menggunakan bahasa Cina dalam hampir semua situasi atau domain termasuklah situasi di dalam kelas. Namun begitu, mereka hanya menggunakan bahasa Malaysia ketika berkomunikasi dengan rakan atau masyarakat yang bukan berbangsa Cina. Dalam pada itu, responden juga turut beranggapan bahawa bahasa Malaysia hanyalah untuk tujuan mencapai syarat lulus dalam peperiksaan sahaja berbanding menjadikan ia sebagai satu medium untuk meningkatkan jati diri sebagai rakyat Malaysia dengan memilih bahasa Melayu atau dahulunya disebut sebagai bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka tetap beranggapan bahawa bahasa Malaysia merupakan sebagai wadah atau medium bahasa yang dapat menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa.

Pilihan bahasa dalam kalangan murid-murid Melanau di Mukah, Sarawak memperlihatkan keupayaan mereka menyesuaikan diri dengan keperluan komunikasi dalam pelbagai domain sosial. Dalam konteks pendidikan, bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan utama kerana fungsinya sebagai bahasa pengantar rasmi di sekolah serta simbol perpaduan nasional (Asmah Haji Omar, 2015). Penggunaan bahasa Melayu membantu murid Melanau berinteraksi dengan guru dan rakan daripada pelbagai latar etnik, selain memperkukuh penguasaan bahasa akademik yang penting untuk kejayaan dalam pembelajaran. Situasi ini sejajar dengan matlamat dasar bahasa negara yang menekankan peranan bahasa Melayu sebagai alat integrasi dalam masyarakat majmuk Malaysia. Namun begitu, dalam konteks sosial dan kekeluargaan, murid-murid Melanau masih mengekalkan penggunaan bahasa Melanau sebagai medium utama komunikasi harian. Pilihan ini berkait rapat dengan usaha mengekalkan identiti budaya, nilai tradisi, dan rasa kekitaan serta kecintaan dalam komuniti mereka (Ting & Campbell, 2017). Kajian turut menunjukkan bahawa corak pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau dipengaruhi oleh faktor situasi, pihak lawan tutur, dan tahap kefasihan dalam kedua-dua bahasa (Omar & Ting, 2020). Oleh itu, fenomena ini menggambarkan keseimbangan antara keperluan untuk menyesuaikan diri dengan bahasa nasional dan usaha mengekalkan bahasa ibunda sebagai warisan linguistik yang penting kepada masyarakat Melanau di Sarawak.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kajian lepas berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan kelompok masyarakat terutama sekali dalam kalangan penutur bukan natif seperti bumiputera Sabah mahupun Sarawak termasuklah dalam kalangan masyarakat Cina dan India. Namun begitu, pemilihan bahasa yang berlaku juga bukan sahaja dipengaruhi domain seperti domain pendidikan, domain kekeluargaan, domain keijiranan dan domain keagamaan malah faktor persekitaran dan penerimaan masyarakat setempat juga turut mempengaruhi bahasa yang dipilih untuk digunakan sebagai bahasa perantaraan. Oleh itu, dapatan kajian-kajian lepas yang dibincangkan menjadi penanda aras dalam membantu pengkaji menganalisis dapatan kajian serta membincangkan dari sudut pandang yang berbeza bagi memberi gambaran sebenar berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina di kawasan Mukah, Sarawak.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan kaedah kajian adalah elemen penting dalam memastikan keberkesanan sesuatu kajian oleh seseorang pengkaji. Kaedah yang tepat dapat memberi banyak input ataupun maklumat yang dapat dianalisis sekali gus membantu pengkaji dalam mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Menurut Nurul Syahirah dan Mohammed Azlan (2022), kaedah yang sesuai dengan sesuatu kajian sudah tentu mampu membantu pengkaji menghasilkan kajian yang baik dan beretika. Justeru, kajian yang dijalankan secara kuantitatif ini menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian mendapatkan data. Dalam pada itu, kaedah deskriptif turut digunakan iaitu dengan membuat penghuraian atau penjelasan lanjut berkaitan dengan data yang telah dianalisis bagi membantu menjawab persoalan kajian.

Pemilihan responden dalam kajian ini melibatkan murid bumiputera Sarawak iaitu murid berbangsa Melanau yang bersekolah di sekolah kebangsaan, berumur dalam lingkungan 15 hingga 18 tahun. Selain itu, ciri lain yang ditetapkan adalah bersekolah di sekolah sekitar kawasan Mukah, Sarawak. Seramai 65 orang responden telah dipilih secara rawak dan terlibat secara langsung dalam menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan melalui *Google Form*. Set soalan yang dibina melibatkan dua bahagian soalan iaitu bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden yang memerlukan responden menyatakan umur, jantina, tempat lahir, keturunan ibu/bapa, tempat tinggal, bahasa yang digunakan di rumah dan agama. Manakala bahagian B: Kebolehan Berbahasa yang memerlukan responden menyatakan tahap fasih bagi setiap bahasa utama dan bahagian C: Situasi Berdasarkan Domain iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, kejiwaan dan keagamaan.

Hasil dapatan kajian dianalisis melalui perisian *Microsoft Excel* bagi mendapatkan peratus dan kekerapan berdasarkan pemilihan bahasa mengikut domain oleh murid Melanau. Selain itu, responden juga turut ditemu bual untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau bagi mengukuhkan dapatan kajian ini. 10 responden dipilih secara rawak untuk ditemu bual bagi membantu pengkaji mencapai objektif kedua dalam kajian. Justeru, dapatan kajian yang telah dianalisis akan diperincikan secara deskriptif dengan menjelaskan setiap fenomena termasuklah merujuk Fishman (1972), berkaitan domain-domain yang diuji dalam kajian ini.

### 4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan seterusnya akan memperincikan dapatan kajian yang telah dianalisis bagi menjawab dua objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan oleh murid Melanau di sekolah kebangsaan di Mukah, Sarawak berdasarkan tiga domain iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, kejiwaan dan keagamaan dan (ii) menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi dalam tiga domain tersebut. Sejumlah 20 murid yang merupakan masyarakat Melanau tinggal di bahagian Mukah dan bersekolah di sekolah kebangsaan telah menjawab soal selidik yang diedarkan ketika pengkaji hadir ke sekolah-sekolah berkenaan. Demografi responden dapat dikenal pasti seperti jadual 1.

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

| PERKARA        | KATEGORI      | KEKERAPAN | PERATUS (%) |
|----------------|---------------|-----------|-------------|
| Jantina        | Lelaki        | 25        | 38.5        |
|                | Perempuan     | 40        | 61.5        |
| <b>JUMLAH</b>  |               | <b>65</b> | <b>100</b>  |
| Tempat Lahir   | Mukah         | 43        | 66          |
|                | Luar Mukah    | 22        | 34          |
| <b>JUMLAH</b>  |               | <b>65</b> | <b>100</b>  |
| Keturunan Bapa | Melanau       | 50        | 77          |
|                | Bukan Melanau | 15        | 23          |
| <b>JUMLAH</b>  |               | <b>65</b> | <b>100</b>  |

|                              |                     |           |            |
|------------------------------|---------------------|-----------|------------|
| Keturunan Ibu                | Melanau             | 53        | 81.5       |
|                              | Bukan Melanau       | 12        | 18.5       |
| <b>JUMLAH</b>                |                     | <b>65</b> | <b>100</b> |
| Tempoh Tinggal di Mukah      | 5 tahun ke bawah    | 0         | 0          |
|                              | 6 tahun ke atas     | 65        | 100        |
| <b>JUMLAH</b>                |                     | <b>65</b> | <b>100</b> |
| Pernah Tinggal di Luar Mukah | Pernah              | 25        | 38.5       |
|                              | Tidak Pernah        | 40        | 61.5       |
| <b>JUMLAH</b>                |                     | <b>65</b> | <b>100</b> |
| Pegangan Agama               | Islam               | 41        | 63         |
|                              | Kristian            | 23        | 35.5       |
|                              | Budha               | 0         | 0          |
|                              | Hindu               | 0         | 0          |
|                              | Animisme            | 1         | 1.5        |
|                              | Lain-lain           | 0         | 0          |
| <b>JUMLAH</b>                |                     | <b>65</b> | <b>100</b> |
| Bahasa Utama Digunakan       | Melanau Mukah       | 54        | 83         |
|                              | Bukan Melanau Mukah | 11        | 17         |
| <b>JUMLAH</b>                |                     | <b>65</b> | <b>100</b> |

Berdasarkan demografi responden kajian, murid perempuan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 40 orang bersamaan dengan 61.5% berbanding murid lelaki 25 orang bersamaan dengan 38.5%. 43 responden (66%) lahir di kawasan Mukah manakala 22 responden (34%) lahir di luar kawasan Mukah. Seramai 50 responden iaitu 77% keturunan bapa responden adalah Melanau, manakala 15 responden (23%) berketurunan bukan Melanau. Manakala keturunan ibu responden pula adalah Melanau 81.5% dan bukan Melanau 18.5%. Kesemua responden iaitu 100% telah menetap lama di Mukah melebihi tempoh enam tahun. Namun begitu, terdapat seramai 25 responden (38.5%) pernah tinggal di luar kawasan Mukah untuk beberapa tempoh kerana mengikut ibu bapa yang bekerja di luar kawasan Mukah. Bagi aspek pegangan agama pula, 41 responden (63%) menganut agama Islam, 23 responden (35.5%) menganut agama Kristian manakala 1 responden (1.5%) kepercayaan animisme. Bahasa utama yang digunakan oleh responden ialah Melanau Mukah seramai 54 responden bersamaan dengan 83% manakala bukan Melanau Mukah seramai 11 responden bersamaan 17%.

Jadual 2 pula adalah berkaitan kebolehan atau kefasihan responden dalam menggunakan bahasa-bahasa sebagaimana yang disenaraikan dalam jadual. Terdapat beberapa bahasa yang dinyatakan seperti bahasa Melanau Mukah, dialek Melayu Sarawak, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kebolehan berbahasa turut disoal dalam soal selidik bagi melihat kesinambungan pemilihan bahasa responden dengan tahap kefasihan mereka.

Jadual 2: Kebolehan Berbahasa Responden Kajian

| Bahasa/Tahap          | KEKERAPAN (PERATUS) |               |                 |             |              | JUMLAH       |
|-----------------------|---------------------|---------------|-----------------|-------------|--------------|--------------|
|                       | Tidak Fasih         | Sedikit Fasih | Sederhana Fasih | Fasih       | Sangat Fasih |              |
| Melanau Mukah         |                     | 2<br>(3%)     | 5<br>(8%)       | 20<br>(31%) | 38<br>(58%)  | 65<br>(100%) |
| Dialek Melayu Sarawak | 1<br>(2%)           | 10<br>(15%)   | 21<br>(32%)     | 16<br>(25%) | 17 (26%)     | 65<br>(100%) |
| Bahasa Melayu         |                     |               |                 | 18<br>(28%) | 47 (72%)     | 65<br>(100%) |
| Bahasa Inggeris       |                     | 5<br>(8%)     | 19<br>(29%)     | 31<br>(48%) | 10<br>(15%)  | 65<br>(100%) |

Berdasarkan jadual 2, 38 responden iaitu 58% sangat fasih berbahasa Melanau Mukah, 31% tahap fasih, manakala sederhana fasih dan sedikit fasih masing-masing 8% dan 3% daripada keseluruhan responden

kajian. Bagi dialek Melayu Sarawak pula 26% daripada jumlah responden sangat fasih, 25% fasih, 32% sederhana fasih, 15% sedikit fasih dan 2% tidak fasih. Bahasa Melayu standard menunjukkan 72% daripada peserta kajian sangat fasih menggunakan bahasa Melayu standard manakala 28% berada pada tahap fasih. Bahasa Inggeris pula menunjukkan 15% daripada responden kajian sangat fasih, 48% fasih, 29% sederhana fasih dan 8% sedikit fasih.

#### 4.1 Pemilihan Bahasa Mengikut Domain

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau berdasarkan empat domain yang telah ditetapkan dalam borang soal selidik iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, kejuruan dan keagamaan. Berikut ialah petunjuk yang digunakan dalam mengenal pasti bahasa yang dipilih oleh responden semasa berada dalam situasi mengikut domain.

##### PETUNJUK:

|                  |                                                     |
|------------------|-----------------------------------------------------|
| <b>DMM</b>       | = Dialek Melanau Mukah                              |
| <b>DMS</b>       | = Dialek Melayu Sarawak                             |
| <b>BM</b>        | = Bahasa Melayu                                     |
| <b>BI</b>        | = Bahasa Inggeris                                   |
| <b>DMM + DMS</b> | = Dialek Melanau Mukah + Dialek Melayu Sarawak      |
| <b>Lain-lain</b> | = Bahasa Iban, dialek Cina dan bahasa etnik Sarawak |

Jadual 3 memaparkan dapatan analisis bagi domain kekeluargaan dengan mengemukakan lima situasi bagi mengenal pasti pilihan bahasa murid Melanau di sekolah kebangsaan sekitar Mukah. Berdasarkan dapatan analisis, DM mendominasi pilihan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kekeluargaan berbanding bahasa-bahasa lain. Walau bagaimanapun, dapatan analisis juga mendapati pola campuran kod bahasa etnik atau dialek lain juga menunjukkan bilangan yang kedua tinggi bagi kelima-lima situasi domain keluarga yang terdapat dalam borang soal selidik.

Jadual 3: Domain Kekeluargaan

| Pernyataan<br>(Domain Kekeluargaan)             | KEKERAPAN (PERATUS%) |               |             |             |                 |               |              |
|-------------------------------------------------|----------------------|---------------|-------------|-------------|-----------------|---------------|--------------|
|                                                 | DM                   | DMS           | BM          | BI          | DMM<br>+<br>DMS | Lain-lain     | JUMLAH       |
| Ketika bercakap dengan ibu bapa.                | 40<br>(61.4%)        | 4<br>(6%)     | 0           | 0           | 3<br>(4.6%)     | 18<br>(28%)   | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan datuk nenek.             | 46<br>(71%)          | 1<br>(1.5%)   | 1<br>(1.5%) | 0           | 6<br>(9%)       | 11<br>(17%)   | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan adik-beradik.            | 36<br>(55.3%)        | 3<br>(4.6%)   | 2<br>(3%)   | 1<br>(1.5%) | 5<br>(8%)       | 18<br>(27.6%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan saudara-mara yang dekat. | 25<br>(38.4%)        | 5<br>(8%)     | 1<br>(1.5%) | 0           | 12<br>(18.4%)   | 22<br>(33.7%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan saudara-mara yang jauh.  | 11<br>(17%)          | 10<br>(15.3%) | 3<br>(4.6%) | 0           | 20<br>(30.8%)   | 21<br>(32.3%) | 65<br>(100%) |

Situasi bercakap dengan ibu bapa, 40 responden (61.5%) memilih DMM manakala 4 responden (6%) memilih DMS, 3 responden bersamaan 4.6% memilih gabungan kod antara DMM dan DMS. Selebihnya seramai 18 reponden merangkumi 28% daripada keseluruhan responden kajian pula memilih pola pilihan bahasa campuran dengan bahasa-bahasa etnik lain seperti bahasa Iban dan dialek Cina. Situasi bercakap dengan datuk dan nenek pula menunjukkan seramai 46 responden iaitu 71% memilih menggunakan DMM, 1.5% memilih DMS, 9% memilih gabungan kod antara DMM dan DMS manakala 11 responden iaitu 11% memilih pola campuran daripada bahasa etnik lain sama ada campuran kod antara DMM, Iban, dialek Cina dan DMS. Begitu juga dengan situasi bercakap dengan adik beradik, responden seramai 36 orang memilih



DMM, 4.6% memilih DMS, 3% BM, 1% BI, 8% gabungan kod antara DMM dan DMS manakala pola campuran kod pula sebanyak 27.6%. Selain itu, ketika responden bercakap dengan saudara mara dekat pula masing-masing 38.4% memilih DMM, 8% DMS, 1.5% BM, 18.4% gabungan antara DMM dan DMS dan 33.7% pola gabungan antara bahasa etnik lain. Bagi situasi lima pula iaitu bercakap dengan saudara-mara jauh, 17% daripada responden memilih DMM, 15.3% memilih DMS, 4.6% BM, 30.8% gabungan DMM dan DMS dan 32.3% pola campuran kod antara bahasa etnik atau dialek lain.

Berdasarkan jadual 4, data kajian yang dianalisis mendapati pemilihan bahasa yang paling dominan adalah BM. Situasi ini berlaku kerana bahasa yang dipilih sesuai dengan domain pendidikan yang memerlukan responden iaitu murid-murid bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa Melayu ketika berada di dalam kelas atau persekitaran sekolah.

Jadual 4: Domain Pendidikan

| Pernyataan<br>(Domain Pendidikan)                               | KEKERAPAN (PERATUS%) |     |               |             |                 |               |              |
|-----------------------------------------------------------------|----------------------|-----|---------------|-------------|-----------------|---------------|--------------|
|                                                                 | DMM                  | DMS | BM            | BI          | DMM<br>+<br>DMS | Lain-lain     | JUMLAH       |
| Ketika bercakap dengan rakan sekelas sebangsa.                  | 26<br>(40%)          | 0   | 7<br>(10.8%)  | 1<br>(1.5%) | 3<br>(4.6%)     | 28<br>(43.1%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan rakan sekelas berlainan bangsa.          | 0                    | 0   | 43<br>(66.2%) | 1<br>(1.5%) | 1<br>(1.5%)     | 20<br>(30.8%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan guru sebangsa.                           | 2<br>(3.1%)          | 0   | 45<br>(69.2%) | 0           | 3<br>(4.6%)     | 15<br>(23.1%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan guru berlainan bangsa.                   | 0                    | 0   | 45<br>(69.2%) | 0           | 0               | 20<br>(30.8%) | 65<br>(100%) |
| Bahasa yang digunakan ketika melakukan aktiviti di dalam kelas. | 3<br>(4.6%)          | 0   | 39<br>(60%)   | 0           | 3<br>(4.6%)     | 20<br>(30.8%) | 65<br>(100%) |
| Bahasa yang digunakan ketika melakukan aktiviti di luar kelas.  | 3<br>(4.6%)          | 0   | 36<br>(55.4%) | 0           | 0               | 26<br>(40%)   | 65<br>(100%) |

Berdasarkan situasi bercakap dengan rakan sekelas yang sebangsa, 40% daripada keseluruhan responden memilih DMM berbanding 10.8% memilih BM, 1.5% menggunakan BI dan 4.6% gabungan kod antara DMM dan DMS serta peratus tertinggi sebanyak 43.1% memilih pola campuran kod bagi bahasa atau dialek lain seperti bahasa Iban, dialek Cina dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pilihan bahasa bagi situasi bercakap dengan rakan sekelas yang berlainan bangsa pula menunjukkan peratus tertinggi sebanyak 43% responden memilih BM sebagai bahasa perantaraan untuk berkomunikasi berbanding masing-masing 1.5% untuk pilihan bahasa lain seperti BI dan gabungan antara DMM dan DMS. Namun begitu, 30.8% responden memilih pola campuran kod atau lain-lain bahasa. Situasi bercakap dengan guru sebangsa pula menunjukkan keadaan berbeza apabila responden bercakap dengan berlainan bangsa. Dapatkan analisis mendapati 3.1% iaitu 2 responden memilih DMM ketika berkomunikasi dengan guru sebangsa, 45 responden memilih BM dan selebihnya 4.6% gabungan antara DMM dan DMS serta 15 responden memilih untuk menggunakan campuran kod dialek atau bahasa lain. Bercakap dengan guru berlainan bangsa pula menunjukkan 69.2% responden memilih BM sebagai bahasa perantaraan dan 30.8% campuran kod lain-lain bahasa. Ketika responden berada dalam situasi melakukan aktiviti di dalam kelas, 4.6% responden memilih DMM, 60% memilih BM, 4.6% gabungan antara DMM dan DMS manakala 30.8% campuran kod bagi lain-lain bahasa. Situasi ketika melakukan aktiviti di luar kelas pula menunjukkan 4.6% responden memilih DMM, 55.4% memilih BM dan 40% memilih pola campuran kod untuk lain-lain bahasa seperti bahasa Iban, dialek Cina dan sebagainya. Berdasarkan dapatan analisis, jelas sekali murid Melanau peka akan pemilihan bahasa ketika berada dalam situasi yang sesuai untuk mereka menggunakan bahasa standard seperti bahasa Melayu yang mampu difahami oleh setiap lapisan masyarakat walau berbeza bangsa dan agama.

Perbincangan seterusnya memperincikan dapatan analisis bagi domain kejiiran. Terdapat empat situasi yang dikemukakan dalam borang soal selidik bagi mengukur pemilihan bahasa yang dibuat oleh murid Melanau.

Jadual 5: Domain Kejiiran

| Pernyataan<br>(Domain Kejiiran)               | KEKERAPAN (PERATUS%) |             |               |    |                 |               |              |
|-----------------------------------------------|----------------------|-------------|---------------|----|-----------------|---------------|--------------|
|                                               | DMM                  | DMS         | BM            | BI | DMM<br>+<br>DMS | Lain-lain     | JUMLAH       |
| Ketika bercakap dengan jiran sebangsa.        | 42<br>(64.6%)        | 4<br>(6%)   | 2<br>(3.1%)   | 0  | 5<br>(8%)       | 12<br>(18.3%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan jiran berlainan bangsa | 3<br>(4.6%)          | 5<br>(7.7%) | 32<br>(49.2%) | 0  | 7<br>(10.8%)    | 18<br>(27.7%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan jiran yang lebih tua   | 30<br>(46.2%)        | 2<br>(3.1%) | 15<br>(23.1%) | 0  | 6<br>(9.2%)     | 12<br>(18.4%) | 65<br>(100%) |
| Ketika bercakap dengan jiran yang lebih muda  | 31<br>(47.7%)        | 3<br>(4.6%) | 11<br>(17%)   | 0  | 8<br>(12.3%)    | 12<br>(18.4%) | 65<br>(100%) |

Berdasarkan jadual 5, ketika bercakap dengan jiran sebangsa, 64.6% responden memilih DMM, 6% DMS, 3.1% BM, 8% gabungan DMM dan DMS manakala campuran kod pula adalah 18.3%. Situasi bercakap dengan jiran berlainan bangsa pula seramai 3 responden (4.6%) memilih DMM, 7.7% memilih DMS, 49.2% memilih BM, 10.8% memilih gabungan DMM dan DMS manakala 27.7% menggunakan pola campuran bahasa-bahasa lain. Begitu juga dengan situasi bercakap dengan jiran yang lebih tua iaitu 46.2% responden memilih DMM, 3.1 DMS, 23.1% memilih BM, 9.2% gabungan DMM dan DMS serta 18.4% lain-lain bahasa etnik atau dialek Sarawak. Situasi bercakap dengan jiran yang lebih muda pula menunjukkan responden seramai 31 orang memilih DMM, 3 responden memilih DMS, 11 responden memilih BM, 8 responden menggabung dua bahasa antara DMM dan DMS manakala 12 responden memilih pola campuran bahasa-bahasa etnik atau dialek lain di Sarawak. Dapatan ini jelas menunjukkan persekitaran kejiiran mereka mempengaruhi pilihan bahasa yang digunakan sebagai medium untuk mereka berinteraksi bersama jiran.

Jadual 6 pula memaparkan dapatan analisis bagi domain keagamaan. Berdasarkan dapatan data, BM menjadi bahasa pilihan utama oleh responden ketika berinteraksi dalam lima situasi yang dinyatakan selain pilihan lain-lain seperti yang dipaparkan pada ruang petunjuk pada awal perbincangan tadi.

Jadual 6: Domain Keagamaan

| Pernyataan<br>(Domain Keagamaan)            | KEKERAPAN (PERATUS%) |             |               |             |                 |               |              |
|---------------------------------------------|----------------------|-------------|---------------|-------------|-----------------|---------------|--------------|
|                                             | DMM                  | DMS         | BM            | BI          | DMM<br>+<br>DMS | Lain-lain     | JUMLAH       |
| Bahasa yang digunakan dalam ceramah agama.  | 0                    | 1<br>(1.5%) | 49<br>(75.4%) | 0           | 0               | 15<br>(23.1%) | 65<br>(100%) |
| Bahasa yang digunakan ketika berdoa sendiri | 10<br>(15.4%)        | 0           | 33<br>(50.8%) | 2<br>(3.1%) | 1<br>(1.5%)     | 19<br>(29.2%) | 65<br>(100%) |
| Berbual dalam majlis keagamaan.             | 8<br>(12.4%)         | 3<br>(4.6%) | 35<br>(53.9%) | 0           | 4<br>(6%)       | 15<br>(23.1%) | 65<br>(100%) |
| Ketika majlis kematian                      | 25<br>(38.5%)        | 4<br>(6%)   | 12<br>(18.4%) | 0           | 9<br>(14%)      | 15<br>(23.1%) | 65<br>(100%) |
| Alatan Keagamaan disebut dalam bahasa...    | 11<br>(17%)          | 1<br>(1.5%) | 29<br>(44.6%) | 0           | 2<br>(3.1%)     | 22<br>(33.8%) | 65<br>(100%) |

Berdasarkan jadual 6, sebanyak 75.4% responden memilih BM sebagai bahasa pilihan untuk digunakan dalam ceramah agama, manakala 1.5% memilih DMS dan 23.1% lain-lain bahasa. Bagi situasi ketika berdoa sendiri pula, responden masih cenderung memilih BM iaitu sebanyak 50.8% masih berdoa menggunakan bahasa Melayu berbanding 15.4% DMM, 3.1% BI, 1.5% gabungan DMM dan DMS serta 29.2% pola campuran bahasa-bahasa lain seperti bahasa Iban, dialek Cina dan sebagainya. Situasi berbual dalam majlis agama pula menunjukkan 53.9% responden memilih BM, 12.4% memilih DMM, 4.6% memilih DMS, 6% gabungan antara DMM dan DMS manakala 23.1% pola campuran bahasa-bahasa lain. Situasi keempat iaitu ketika berada dalam majlis kematian menunjukkan responden memilih DMS sebanyak 38.5%, manakala DMS 6%, BM 18.4%, 14% bagi gabungan DMM dan DMS manakala bahasa-bahasa lain 23.1%. Antara lain, 17% responden memilih untuk menyebut peralatan keagamaan dalam DMM, 1.5% DMS, 44.6% dalam BM, 3.1% gabungan antara DMM dan DMS serta 33.8% dalam bahasa-bahasa lain yang turut responden kuasai. Jelaslah bahawa responden memilih bahasa mengikut kesesuaian situasi yang terdapat dalam empat domain yang telah diuji dalam borang soal selidik kerana tiada bahasa yang benar-benar dominan melainkan seimbang antara DMM dan BM berdasarkan situasi yang bersesuaian dan bertepatan dengan domain.

## **4.2 Faktor Pemilihan Bahasa**

Terdapat beberapa faktor mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau di sekolah kebangsaan di kawasan Mukah. Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 responden, dapatlah dirumuskan bahawa tiga (3) faktor utama yang mendorong sesuatu bahasa dipilih sebagai medium untuk berkomunikasi adalah seperti berikut:

### **4.2.1 Faktor Hubungan antara Penutur**

Hubungan merupakan antara faktor utama dalam mempengaruhi seseorang membuat pilihan bahasa dalam sesuatu komunikasi. Hubungan antara penutur dan orang yang diajak berkomunikasi memainkan peranan penting sebelum sesuatu perbualan dimulakan. Menurut Harishon (2023), hubungan komunikasi adalah berbentuk dinamik melalui pilihan bahasa yang dibuat domain-domain tertentu. Sejajar dengan pernyataan tersebut ialah Mohamad Rozi (2021) dalam kajiannya bahawa penentuan nada atau cara sesuatu mesej disampaikan adalah bergantung pada konteks sesuatu peristiwa komunikasi yang melibatkan antara hubungan ahli dalam sesuatu peristiwa bahasa. Jelas sekali bahawa pilihan bahasa yang tepat dapat melancarkan interaksi sewaktu penyampaian maklumat.

Berdasarkan dapatan kajian, hubungan antara responden dengan orang diajak berbual dilihat sebagai faktor yang menjadi elemen penting kepada mereka untuk memilih sama ada menggunakan DMM, DMS, BI, BM atau gabungan bahasa-bahasa lain kerana mereka beranggapan ia lebih mudah untuk menyampaikan sesuatu mesej. Sebagai contohnya, BM menjadi bahasa dominan dalam domain pendidikan kerana hubungan formal yang wujud antara responden dengan orang yang diajak berkomunikasi walaupun dalam keadaan mereka berkomunikasi dengan guru yang sebangsa dengan mereka. Keadaan ini juga dapat dibuktikan dalam domain keagamaan apabila kebanyakan responden memilih BM sebagai bahasa perantaraan kerana beranggapan konteks hubungan yang wujud antara mereka dan ahli dalam majlis agama yang mereka hadiri.

Namun, berbeza dengan domain keluarga dan kejiwaan kerana pilihan bahasa yang dominan adalah DMM. Situasi ini berlaku akibat daripada hubungan yang akrab antara responden dengan ahli keluarga atau jiran yang mereka telah kenali sejak sekian lama. Walaupun terdapat jiran yang lebih muda ataupun tua, mereka konsisten menggunakan DMM kerana berasa selesa di samping saling mengenali antara satu sama lain. Keadaan ini sedikit berbeza apabila mereka berdepan dengan jiran yang bukan sebangsa kerana mereka lebih selesa menggunakan BM sebagai bahasa pilihan. Menurut Mohd Khaidir dan Dicky Wiwattan

(2024), pilihan penggunaan bahasa ibunda seperti DMM dalam kajian ini membuktikan bahawa jati diri penutur masih tinggi di samping, untuk mengekalkan aspek tertentu yang bukan sahaja melibatkan hubungan malah, bahasa dan budaya dalam sesuatu kelompok masyarakat.

#### 4.2.2 Faktor Persekitaran antara Penutur

Persekitaran juga sebahagian daripada faktor mempengaruhi pilihan bahasa yang dibuat oleh murid Melanau Mukah dalam sesuatu komunikasi berdasarkan domain. Persekitaran bermaksud ruang lingkup kehidupan seharian mereka termasuklah merujuk kepada keadaan, masa mahupun suasana ataupun tempat. Menurut Nurul Syahirah dan Mohammed Azlan (2022), latar masa dan tempat memainkan peranan besar dalam menentukan bentuk pemilihan bahasa yang hendak digunakan oleh seseorang dalam berkomunikasi. Keadaan ini bersesuaian dengan domain yang diuji dalam borang soal selidik dengan memberikan situasi daripada pelbagai keadaan mahupun situasi. Jelas sekali, persekitaran responden yang berlainan menyumbang kepada pemilihan bahasa yang pelbagai sebagaimana dalam jadual 3, 4, 5 dan 6 seperti yang telah dibincangkan pada awal perbincangan.

Berdasarkan pengamatan pada jadual 3, 4, 5 dan 6, ternyata bahasa pilihan responden adalah tidak bersifat tekal walaupun DMM menunjukkan jumlah yang dominan. Walau bagaimanapun, jelas sekali pilihan bahasa yang pelbagai berdasarkan domain dan konteks situasi jelas sekali membuktikan bahawa faktor persekitaran adalah sebahagian daripada faktor mempengaruhi bahasa yang mereka pilih untuk berkomunikasi. Menurut Nur Faaizah dan Mohd Sharifudin (2014) berpendapat bahawa pemilihan bahasa berdasarkan faktor persekitaran merangkumi aspek masyarakat, tempat dan waktu memerlukan penutur untuk memilih bahasa yang sesuai agar proses komunikasi menjadi lebih mudah di samping, berjalan dengan lancar bagi mengelak berlakunya perselisihan faham antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kelompok masyarakat atau orang yang diajak bertutur adalah dari pelbagai persekitaran dan saling tidak memahami antara satu sama lain.

#### 4.2.3 Faktor Kandungan dalam Komunikasi

Faktor seterusnya yang mendorong dalam sesuatu pemilihan bahasa ialah kandungan atau topik perbualan dalam sesuatu komunikasi. Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap responden, pemilihan bahasa yang mereka guna ketika berinteraksi berdasarkan situasi mengikut domain juga dipengaruhi oleh topik atau inti dalam perbualan yang sedang berlangsung. Di samping faktor hubungan antara penutur, kandungan atau topik juga antara faktor dominan dalam menentukan bentuk bahasa yang mereka guna. Keadaan ini berlaku bagi memastikan mesej yang disampaikan jelas, mudah difahami oleh kedua-dua pihak memandang terdapat beberapa perkara tertentu yang memerlukan mereka menjelaskan sesuatu dengan lebih mendalam. Maka, pemilihan bahasa yang hendak digunakan untuk penyampaian tersebut perlulah berkesan dan memberi impak kepada kedua-dua pihak yang terlibat.

Menurut Mohd Khaidir (2023), komunikasi yang baik dan beretika perlu diberi perhatian supaya semua maklumat yang disampaikan menjadi jelas dan mudah difahami dengan memilih bahasa yang sesuai dengan individu yang terlibat dalam sesebuah komunikasi. Maka, faktor kandungan dalam komunikasi relevan untuk membantu setiap individu menentukan bahasa yang hendak dipilih dan digunakan agar maklumat jelas secara gaya penyampaian juga lancar serta tidak mewujudkan kejanggalan sekiranya menggunakan bahasa yang tidak sesuai dalam sesebuah komunikasi. Maka, pilihan bahasa yang digunakan oleh murid Melanau di Mukah menunjukkan pemilihan yang konsisten berdasarkan domain dan situasi.

Bahasa yang dipilih juga menunjukkan mereka matang dalam menentukan bentuk bahasa yang wajar digunakan lebih-lebih lagi dalam domain pendidikan yang memerlukan mereka berinteraksi dengan bahasa formal iaitu bahasa Melayu. Walaupun responden berkomunikasi dengan rakan sebangsa mahupun guru sebangsa, dapatan masih membuktikan bahawa mereka tetap menggunakan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pilihan untuk berkomunikasi berbanding dengan domain lain seperti domain keluarga ataupun kejiwaan. Kedua-dua domain tersebut jelas menunjukkan mereka memilih bahasa yang dominan

iaitu DMM kerana faktor persekitaran dan hubungan yang dilihat lebih sesuai untuk menggunakan DMM berbanding BM atau BI. Begitu juga dengan domain kejiiran yang memaparkan murid Melanau sangat matang dalam memilih bahasa yang hendak digunakan kerana menggunakan bahasa standard dengan merujuk kepada faktor kandungan dalam sesebuah komunikasi di samping faktor hubungan dan persekitaran.

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau di Mukah Sarawak mendapati bahawa golongan penutur dalam lingkungan usia 15 hingga 18 tahun masih meletakkan bahasa ibunda mereka iaitu dialek Melanau sebagai wahana utama ketika berkomunikasi dalam domain kekeluargaan dan kejiiran berbanding domain pendidikan dan keagamaan yang dilihat cenderung menggunakan bahasa Melayu standard. Dalam pada itu, pemilihan bahasa dalam kalangan murid Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh pelbagai faktor sebagaimana yang telah dbincangkan iaitu faktor hubungan antara penutur, persekitaran antara penutur dan kandungan dalam komunikasi.

Fenomena ini juga menunjukkan wujudnya pola gabungan atau pencampuran kod bahasa dalam kalangan murid Melanau, iaitu penggunaan dua atau lebih bahasa yang berbeza mengikut situasi dan keperluan. Walaupun penguasaan bahasa Melanau mereka baik namun, murid Melanau masih wajar dalam meletakkan pilihan bahasa seperti bahasa Melayu mengikut domain yang sesuai. Dalam erti lain, pemilihan bahasa Melanau mengikut konteks domain mampu membawa implikasi kepada kelangsungan warisan bahasa dan budaya etnik Melanau dan dalam masa yang sama masih menitikberatkan situasi formal seperti situasi dalam domain pendidikan dan keagamaan. Pendekatan seimbang antara penguasaan bahasa kebangsaan dan pemeliharaan bahasa ibunda perlu digalakkan bagi memastikan identiti etnik dan jati diri murid Melanau terus terpelihara dalam arus pemodenan negara.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam di bawah dana Geran Inisiatif Akademi (GIA) 600 - APB (PT.2/8)

## SUMBANGAN PARA PENULIS

**Juliana Damsik:** Penyediaan Soal Selidik, Penulisan Draf, Pengurusan Data, **Mohamad Nik Mat Pelet:** Pengurusan Data, Penyelidikan, Penulisan - draf asal, **Noor Saadah Salleh:** Metodologi, Penyelidikan, **Norita Harijaman:** Analisis formal, Rujukan, Penyelidikan, **Anida Sarudin:** Analisis Formal, Penulisan, Semakan dan Penyuntingan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa kajian ini tiada konflik kepentingan.

## RUJUKAN

Akhmad Mansur, Asbah Razali, Nurhamizah Hashim, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. (2024). Pemilihan dan Penggunaan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Bonggi. *PERTANIKA Journal Social Scienvces & Humanities*,32 (S1), 29-49.

- Amirul Mukminin Mohamad, Sofia Ayup, Noorhazlina Mohamad Hamid & Zuraini Mohaidin. (2023). Bahasa Kebangsaan dalam Situasi Komunikasi Harian: Kajian Tinjauan terhadap Pelajar Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 81-101.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Bahasa dan masyarakat di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Mis. (2022). Pilihan Bahasa dan Lingua Franca Suku Kaum di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 10 (1), 1-16.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 5 (7), 96-107.
- Cendellera Anak Janar. (2022). Sikap dan Pemilihan Bahasa oleh Masyarakat Cina kahwin Campur dan bukan Kahwin Campur di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Sarawak.
- Harishon Radzi. (2023). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain, *Jurnal Linguistik*, Vol.27 (1), 129-139.
- Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi. (2023). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latidan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas berdasarkan Tiga Domain. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 129-139.
- Latifah Ismail & Normala Hashim. (2011). Sikap Murid Cina terhadap Penggunaan Bahasa Malaysia di Sekolah. *Masalah pendidikan*, 34 (2011), 63-79.
- Mohamad Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl. (2022). Pemilihan Bahasa dalam Situasi Rasmi di pejabat Kerajaan. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 22(3), 213-235.
- Mohamad Rozi Kassim. (2021). Emografi Komunikasi Orang Asli Jakun. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Vol.14 (1), 21-44.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Dicky Wiwittan Toto Ngadiman. (2024). Pilihan Bahasa dalam Kalangan Mahasiswa di Pulau Pinang dalam Domain Keluarga dan Pendidikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 31-45.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2023). Sikap Bahasa dan Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(2), 22-53.
- Nur Faaizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut di Pahang. *Journal of Human Development and Communication*, Vol.1 (Special Issue), 141-161
- Nurul Nabila Abdul Rahman. (2020). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Anak Kacukan Melanau Iban di Sarawak. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Putra Sarawak.
- Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2023). Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Anak Pasangan kahwin Campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47-56.
- Nurul Syahirah Batjo & Mohammed Azlan Mis. (2022). Pemiihan Bahasa Suku Kaum Melanau di Mukah, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6 (4), 1-15.
- Omar, A., & Ting, S. H. (2020). Language maintenance and shift among the Melanau community in Sarawak. *Journal of Modern Languages*, 30(2), 45–61.
- Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. (2016). Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu*, Vol.15 (2), 210-222.
- Siti Rahmah Muhamad Husaini. (2017). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sungai di Bukit Garam, Sabah. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Putra Malaysia.
- Ting, S. H., & Campbell, L. (2017). Language choice and identity among indigenous youth in Sarawak, Malaysia. *Language and Communication*, 55, 1–10.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

## BIOGRAFI PENULIS

*Juliana Damsik* merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Leksikografi dan Terjemahan. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal dalam dan luar negara.

*Dr. Mohamad Nik Mat Pelet* merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Kepakaran beliau adalah dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu, Morfologi dan Kurikulum Bahasa Melayu. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal dalam dan luar negara.

*Dr. Noor Saadah Salleh* merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Kepakaran beliau adalah bidang Sociolinguistik. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal dalam dan luar negara.

*Norita Harijaman* merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Terjemahan. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal dalam dan luar negara.

*Dr. Anida Sarudin* merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Kepakaran beliau dalam bidang Semantik dan Wacana Komunikasi serta Linguistik Korpus. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal dalam dan luar negara.